



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

Menanti impak PLKN Versi 2.0 terhadap Gen Y

Kerajaan bakal memperkenalkan lapan modul baharu dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 sebagai langkah transformasi terhadap program terbaik. Lapan modul ini merangkumi lima modul dan tiga submodul yang diberi nafas baharu berbanding modul sebelum ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Hussein mengumumkan lima modul utama yang terlibat ialah 'Fit4Life', 'Tech and Talk', 'Malaysiaku', 'Be Safe, Be Alert' dan 'I-Upgrade' manakala tiga submodul ialah 'Spirituality', 'My Future', dan 'Khidmat Komuniti'. Juga dimaklumkan PLKN 2.0 ini bakal membabitkan pengisian berbentuk ketenteraan, pembangunan jati diri dan pemikiran kritis, patriotisme, cabaran ancaman semasa dan pengalaman pembelajaran secara berpasukan. Transformasi dan perubahan drastik pada modul program ini dilihat hasil daripada inisiatif dan keprihatinan pihak kerajaan dalam memastikan PLKN kekal relevan dengan tuntutan dan perubahan semasa, lebih praktikal serta mempunyai elemen nilai tambah yang meyakinkan di samping sudah semestinya untuk memberi kesan bermakna kepada pembangunan negara terutamanya selepas 10 tahun pelaksanaannya.

Pemilihan sukarela

Menariknya lagi, pelaksanaan modul baharu dan PLKN 2.0 ini juga bakal menggunakan pakai konsep pengambilan baharu pelatih secara sukarela dan bukannya pemilihan secara rawak dan diwajibkan seperti sebelum ini. Pengumuman versi baharu PLKN adalah rentetan daripada keputusan pihak kerajaan sebelum ini yang memutuskan untuk menangguhkan sementara program ini di mana ketika pembentangan Bajet 2015 pada Oktober tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan PLKN yang telah diperkenalkan pada 16 Februari 2004 akan dikaji semula, selain memperkenalkan konsep baharu menjalankan keperluan kemahiran dan kenegaraan.

Secara umumnya, semua modul baharu yang bakal diperkenalkan ini mempunyai inti pati menarik dan dilihat bakal memenuhi cita rasa golongan muda, sekali gus memberikan impak mendalam seperti yang diharapkan oleh semua pihak. Apatah lagi kali ini

hanya yang berminat sahaja akan menyertai program ini dan ia pasti lebih mudah untuk dilaksanakan dalam suasana positif dan ceria.

Modul Fit4Life misalnya dilaporkan berbentuk latihan ketenteraan, kemahiran survival, kegiatan ekstrem dan latihan kecerdasan yang bertujuan melatih generasi muda mengamal dan membudayakan gaya hidup sihat di samping membentuk keberanian, keyakinan diri, komitmen, daya tahan serta tahap disiplin. Kita percaya modul ini bakal melahirkan generasi muda yang memiliki jati diri tinggi serta mempunyai daya tahan yang kuat untuk menangani cabaran yang mendatang dengan berani, yakin serta dengan disiplin yang tinggi. Kita perlukan generasi seperti ini untuk bangkit mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara ini terutamanya menjadi benteng daripada segala jenis ancaman yang boleh menghancurkan negara ini.

Bagi modul Tech and Talk pula, ia dikhaskan bakal memberi penekanan kepada konsep pembangunan interpersonal serta membina pemikiran kreatif dan kritis, sekali gus mengukuhkan kemahiran berkommunikasi. Komunikasi adalah satu cabang yang cukup penting dalam kehidupan sehari-hari kita. Semua orang boleh bercakap, tetapi tidak semua yang mampu berkommunikasi dengan berkesan, bijak, baik dan berhemah, apatah lagi berjaya menyampaikan hasrat dengan mudah dan jelas kepada orang lain. Kebanyakannya daripada masalah dan konflik dalaman yang kita hadapi sekarang berpunca dari pada kegagalan untuk berkommunikasi dengan baik antara satu sama lain. Ini ditambah pula dengan perkembangan media sosial yang semakin merencatkan perhubungan interpersonal sesama manusia. Justeru, kita berharap modul ini mampu mendidik anak muda untuk menghormati, menghargai dan menyedari kepentingan hubungan interpersonal dan kemahiran komunikasi yang baik. Diharap modul ini juga mampu melahirkan generasi yang mampu berfikir di luar kotak secara kreatif, analitikal dan kritis demi kemajuan dan kebaikan bersama.

Modul 'Malaysiaku' dan 'Be Safe, Be Alert' pula bakal memberi penekanan kepada aspek patriotisme, semangat cintakan tanah air serta membina pemahaman pelatih mengerai cabaran semasa berbentuk moden mahupun tra-

disional. Ini antara modul yang cukup penting dan perlu memberi impak yang positif. Realitinya pada hari ini, kita perlu akui betapa semangat patriotisme dan cintakan tanah air agak longgar dan rapuh dalam kalangan generasi muda. Masing-masing kelebihan lebih memperkuatkan keperluan diri dan keluarga berbanding kepentingan negara. Belia hari ini dilihat semakin hanyut dan menjadi hamba kepada gajet dan media sosial berbanding keperluan untuk mengabdikan diri kepada negara tercinta.

Semangat cinta negara

Akibatnya mereka tidak begitu hirau andai ada orang memperlekehkan negara ini mahupun mencemarkan nama baik dan imej negara ini. Bagi mereka selagi ia tidak kena pada batang hidung sendiri serta tidak mengganggu kehidupan mereka, maka mereka tidak perlu ambil tahu mahupun mempedulikannya. Sikap sebegini jelas merugikan masa depan negara kita. Kita tidak mahu melahirkan generasi seperti ini. Justeru, diharap modul ini dapat menerapkan semangat cintakan negara yang kuat dalam kalangan generasi muda kita.

Dalam pada itu, modul I-Upgrade pula akan memberi tumpuan kepada pembangunan individu iaitu pembangunan peribadi yang akan diintegrasikan dalam semua modul latihan dan pembelajaran secara berkumpulan, permainan, kesenian serta media. Modul ini boleh dikatakan lengkap dan penyeri kepada keseluruhan modul PLKN 2.0 di mana ia bakal membabitkan elemen pembinaan karakter pelatih secara holistik dan komprehensif. Hal ini penting kerana ia bakal menentukan pelatih macam mana yang bakal dilahirkan melalui PLKN versi baharu ini.

Secara keseluruhannya, penulis berpendangan PLKN 2.0 ini bakal memberi nafas baharu kepada pelaksanaan program pembinaan dan pembentukan generasi muda negara ini dengan syarat pelaksanaannya kelak perlulah benar-benar memenuhi jangkaan semua pihak. Semoga ia bakal memberikan impak yang diharapkan, sekali gus membantu melahirkan generasi pewaris negara yang boleh memikul tanggungjawab dan amanah yang sewajarnya.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM